

SOALAN LAZIM

KEMPEN KHAS RIZQ PLUS ANGGOTA BANK RAKYAT

1. Apakah Kempen Khas Rizq Plus Anggota Bank Rakyat?

Kempen Khas Rizq Plus Anggota Bank Rakyat merupakan kempen yang merangkumi dua inisiatif utama, iaitu:

1. Rizq Plus Cashback Rewards; dan
2. Anggota Saham Dapat Pelanggan.

2. Bilakah kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung dari 10 September 2026 hingga 31 Disember 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut. Bank Rakyat berhak untuk meminda, melanjutkan, memendekkan, menangguhkan atau menamatkan tempoh kempen dari semasa ke semasa, tertakluk pada keputusan Bank Rakyat.

3. Apakah produk yang terlibat dalam kempen ini?

Produk yang terlibat adalah seperti berikut:

Inisiatif	Produk yang Terlibat
Rizq Plus Cashback Rewards	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus
Anggota Saham Dapat Pelanggan	- Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - Akaun Pelaburan-i Lestari

RIZQ PLUS CASHBACK REWARDS

4. Siapakah yang layak untuk menyertai Rizq Plus Cashback Rewards?

- Kempen ini terbuka kepada anggota saham individu Bank Rakyat yang mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, sama ada akaun baharu atau sedia ada.
- Pelanggan juga perlu memenuhi semua kriteria kelayakan yang ditetapkan dan mengekalkan status aktif bagi Akaun Pelaburan-i Rizq Plus pada masa pulangan tunai (*cashback*) dikreditkan.
- Warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat tidak layak menyertai inisiatif ini.

5. Bagaimanakah cara untuk layak menerima pulangan tunai?

Untuk layak menerima pulangan tunai, anda perlu:

- mencapai pertumbuhan dalam baki bulanan berdasarkan peringkat ganjaran yang ditetapkan;
- tidak membuat sebarang transaksi pengeluaran daripada Akaun Pelaburan-i Rizq Plus sepanjang bulan penilaian; dan
- mengekalkan status aktif Akaun Pelaburan-i Rizq Plus sehingga pulangan tunai dikreditkan.

Kelayakan menerima pulangan tunai ditentukan berdasarkan pertumbuhan bersih baki penutup bulanan berbanding baki penutup bulan sebelumnya.

6. Berapakah jumlah pulangan tunai yang akan saya terima?

Jumlah pulangan tunai adalah berdasarkan pertumbuhan dalam baki bulanan seperti berikut:

Pertumbuhan Baki Bulanan	Pulangan Tunai
RM500 – RM1,000	RM10
RM1,000.01 – RM3,000	RM20
RM3,000.01 – RM5,000	RM40
RM5,000.01 – RM10,000	RM80
Melebihi RM10,000	RM150

7. Adakah saya boleh menerima pulangan tunai setiap bulan?

Ya. Pelanggan yang layak boleh menerima pulangan tunai bagi setiap bulan sepanjang tempoh kempen, tertakluk pada peruntukan bajet yang diluluskan.

8. Bilakah pulangan tunai akan dikreditkan?

Pulangan tunai akan dikreditkan ke Akaun Pelaburan-i Rizq Plus pada bulan berikutnya, tertakluk pada pengesahan kelayakan oleh Bank Rakyat.

9. Bagaimanakah kaedah pengiraan pulangan tunai ini dilakukan?

Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

- Baki Penutup Bulan Sebelumnya: RM5,000

- Baki Penutup Bulan Semasa: RM8,500
- Pertumbuhan Baki Bulanan: RM3,500
- Transaksi Pengeluaran: Tiada
- Pulangan Tunai: RM40

Oleh kerana pertumbuhan baki adalah RM3,500 dan tiada transaksi pengeluaran dibuat, pelanggan layak menerima pulangan tunai sebanyak RM40.

10. Adakah terdapat had peruntukan bagi keseluruhan pulangan tunai untuk kempen ini?

Ya. Jumlah keseluruhan peruntukan pulangan tunai adalah terhad kepada RM125,000. Pulangan tunai akan diberikan secara siapa cepat, dia dapat (*first-come, first-served*) dan akan dihentikan apabila peruntukan telah digunakan sepenuhnya atau setelah tempoh kempen tamat, yang mana terdahulu.

11. Bagaimanakah Bank Rakyat menentukan kelayakan pulangan tunai?

Kelayakan dan pengiraan pulangan tunai akan ditentukan berdasarkan rekod dan data yang terdapat dalam sistem Bank Rakyat. Keputusan Bank Rakyat berhubung kelayakan dan pengiraan pulangan tunai adalah muktamad.

ANGGOTA SAHAM DAPAT PELANGGAN

12. Siapakah yang layak untuk menjadi Perujuk?

Perujuk mestilah:

- Anggota saham individu Bank Rakyat; dan
- Mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, sama ada akaun baharu atau sedia ada.
- Warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat tidak layak menyertai inisiatif ini, termasuk individu berikut:
 - i. Pasangan warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat;
 - ii. Ibu bapa dan mentua warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat; dan
 - iii. Anak dan menantu warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat.

13. Siapakah yang layak untuk menjadi Pelanggan Dirujuk?

- Bagi pembukaan Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, Pelanggan Dirujuk adalah terbuka kepada semua pelanggan individu yang memenuhi syarat pembukaan akaun yang ditetapkan oleh Bank Rakyat.
- Bagi pembukaan Akaun Pelaburan-i Lestari, Pelanggan Dirujuk hendaklah terdiri daripada koperasi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang memenuhi kriteria kelayakan produk.
- Warga kerja Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat tidak layak menyertai kempen ini sebagai Pelanggan Dirujuk.

14. Bagaimanakah saya boleh menyertai kempen ini sebagai Perujuk?

Perujuk hendaklah:

- i. Memperkenalkan Pelanggan Dirujuk untuk membuka akaun di bawah produk yang mengambil bahagian dalam kempen;
- ii. Mengisi dan melengkapkan borang rujukan yang disediakan oleh cawangan Bank Rakyat atau memuat turun borang tersebut daripada laman sesawang Bank Rakyat; dan
- iii. Hadir ke cawangan bersama Pelanggan Dirujuk untuk tujuan pembukaan akaun. Walaubagaimanapun, Pelanggan Dirujuk juga boleh hadir ke cawangan secara bersendirian dengan membawa borang rujukan yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Perujuk.

15. Berapakah ganjaran tunai yang akan diterima oleh Perujuk?

Perujuk yang layak akan menerima ganjaran tunai seperti berikut:

Produk yang Berjaya Dibuka	Ganjaran Perujuk
Akaun Pelaburan-I Rizq Plus	RM50
Akaun Pelaburan-I Lestari	RM100

16. Adakah terdapat had keseluruhan bagi pembayaran insentif?

Ya. Jumlah keseluruhan pembayaran insentif di bawah inisiatif Anggota Saham Dapat Pelanggan adalah terhad kepada **RM75,000**.

Ganjaran tunai adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan yang diluluskan dan akan diberikan berdasarkan konsep siapa cepat, dia dapat (*first-come, first-served*) sehingga peruntukan maksimum **RM75,000** telah digunakan sepenuhnya atau tempoh kempen tamat, yang mana terdahulu.

17. Bilakah ganjaran tunai Perujuk akan dikreditkan?

Ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan-i Rizq Plus Perujuk secara mingguan, tertakluk pada ketersediaan data dan pengesahan bahawa semua syarat kempen telah dipenuhi.

18. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut boleh didapati menerusi saluran komunikasi rasmi seperti berikut:

- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1300 80 5454
- Laman sesawang rasmi Bank Rakyat: www.bankrakyat.com.my
- Laman sesawang rasmi Yayasan Bank Rakyat: www.yayasanbankrakyat.com.my
- Media sosial rasmi Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat